



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"REBUT PELUANG LAILATUL QADAR"

21 Mac 2025 / 20 Ramadan 1446

الْحَمْدُ لِلّٰهِ¹ الَّذِي فَرَضَ صِيَامَ رَمَضَانَ، وَأَنْزَلَ فِيهِ الْقُرْآنَ، وَجَعَلَ فِيهِ لَيْلَةً الْقَدْرَ رَحْمَةً لِلْأَكْوَافِ،
 نَحْمَدُهُ سُبْحَانَهُ وَنَشْكُرُهُ فِي كُلِّ زَمَانٍ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ إِلَّا إِنْسٌ
 وَالْجَانِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ النَّبِيُّ الْمُصَطَّفُ مِنْ عَدْنَانَ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ
 وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَهْلِ الْإِحْسَانِ. أَمَّا بَعْدُ، فِيمَا عِبَادَ اللّٰهِ! اتَّقُوا اللّٰهَ³
 أُوْصِينُكُمْ وَإِيَّاهُ يُبَتَّقُوا اللّٰهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan semua larangan Nya; membersihkan jiwa daripada segala dosa dan noda, serta sifat-sifat mazmumah yang menghitamkan hati dan merosakkan amal. Mudah-mudahan kita dihimpunkan di hadapan Allah SWT dengan membawa *qalbun salim* (hati yang sejahtera) dan bekalan amal yang diterima. Begitu pantas masa berlalu, hari ini kita telah pun memasuki fasa 10 hari terakhir Ramadan. Oleh itu, mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk: "**REBUT PELUANG LAILATUL QADAR**"

Firman Allah SWT, ayat 1 hingga 3 surah al-Qadar:

﴿إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ① وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ② لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ ③﴾

Bermaksud: Sesungguhnya Kami telah menurunkannya (al-Quran) pada malam al-Qadr (iaitu malam kemuliaan dan kebesaran). Tahukah kamu apakah malam al-Qadr itu? Malam kemuliaan itu lebih baik daripada seribu bulan.

Ayat 1 hingga 3 surah al-Qadar yang khatib baca pada awal khutbah, menyebut tentang malam al-Qadar dan kelebihan malam tersebut. Malam al-Qadar ialah malam kemuliaan dan kebesaran; malam istimewa yang berlaku setahun sekali

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



pada bulan Ramadan. Amal ibadat yang dilakukan pada malam al-Qadar, lebih besar pahalanya, melebihi amal ibadat yang dilakukan pada 1000 bulan yang lain.

Imam Al-Qurtubi dalam tafsirnya menyatakan, diberi nama malam al-Qadar kerana pada malam tersebut ditetapkan segala ketentuan yang Allah SWT kehendaki daripada perintah-Nya bagi hamba-hamba-Nya untuk setahun akan datang, merangkumi rezeki dan ajal, serta perkara-perkara lain menyentuh kehidupan insan. Lalu Allah SWT menyerahkan perkara tersebut kepada malaikat Israfil, Mikail, Izrail dan Jibril alaihissalam untuk diuruskan.

Malam al-Qadar sangat dinanti-nantikan kerana malam tersebut menawarkan peluang keemasan untuk meraih pahala berlipat ganda, pengampunan dosa dan rahmat Allah yang melimpah ruah. Rasulullah SAW bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim:

مَنْ قَامَ لِيَلَةَ الْقُدْرِ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا عُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Bermaksud: Siapa yang menghidupkan (beribadah) malam al-Qadar dengan penuh keimanan dan mengharap pahala, maka diampuni dosa-dosanya yang telah lalu.

Sebaik memasuki malam ke-21 Ramadan, Rasulullah SAW membanyakkan amal ibadat sepanjang malam sehingga ke penghujung Ramadan kerana mengharapkan amalan Baginda bertepatan dengan malam al-Qadar. Sayidatina Aisyah RA menggambarkan kesungguhan ibadah Rasulullah SAW:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يَجْتَهِدُ فِي الْعَشْرِ الْأَوَّلِ وَالْآخِرِ مَا لَا يَجْتَهِدُ فِي غَيْرِهِ

Bermaksud: Rasulullah SAW bersungguh-sungguh beribadah pada sepuluh malam terakhir melebihi malam-malam lainnya. (Hadis riwayat Muslim)

Malam al-Qadar berlaku pada salah satu malam daripada sepuluh atau sembilan malam terakhir bulan Ramadan selaras sabda Rasulullah SAW:

إِذْتَمَسُوهَا فِي الْعَشْرِ الْأَوَّلِ وَالْآخِرِ وَتَرَا

Bermaksud: “Carilah malam al-Qadar pada sepuluh malam terakhir pada malam yang ganjil”. (Hadis Riwayat Ahmad)



Jemaah yang dilimpahi keberkatan Ramadan

Sepuluh malam terakhir Ramadan merupakan hadiah Allah SWT ke atas umat Nabi Muhammad SAW yang tidak diberi kepada mana-mana umat daripada kaum terdahulu. Maka peluang keemasan ini jangan disia-siakan. Menjadi satu kerugian besar apabila sepuluh malam terakhir Ramadan tidak dipenuhi dengan ibadah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT, kerana teralih tumpuan lebih sibuk menguruskan persiapan menyambut Hari Raya, dengan kerja-kerja menyediakan juadah, menghias rumah, menyiapkan pakaian dan sebagainya, menyebabkan amalan-amalan sunat dan membaca al-Quran dihentikan, di samping masjid dan surau semakin susut bilangan jemaah.

Jika pada waktu siang kita dituntut untuk bekerja, menyempurnakan amanah yang ditugaskan dan bergaul sesama manusia, maka pada waktu malamnya, hendaklah kita pilih untuk lebih bersendirian mendampingi diri dengan Allah SWT, membina hubungan akrab dengan Ilahi, memohon keampunan-Nya dan mendekatkan diri kepada-Nya.

Diriwayatkan pemerhatian Sayidatina Aisyah RA, pada sepuluh hari terakhir Ramadan,

كَانَ النَّبِيُّ ﷺ إِذَا دَخَلَ الْعَشْرَ شَدَّ مُنْزَرَهُ وَأَحْيَا لَيْلَهُ وَأَيْقَظَ أَهْلَهُ

Bermaksud: “Bahwasanya Nabi SAW apabila masuk hari sepuluh terakhir Ramadan, Baginda akan mengetatkan kain (tidak menggauli isteri), menghidupkan malam tersebut dan mengejutkan ahli keluarganya (untuk turut menghidupkan malam).”

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

Mimbar dengan ini mengajak jemaah untuk bermuhasabah. Adakah sembilan belas hari Ramadan yang telah berlalu, telah kita sempurnakan ibadah puasa dengan sebaik-baiknya? Adakah ruang dan peluang beramal dalam bulan mulia ini, telah kita manfaatkan dengan sebaik-baik amal? Sudah kah kita melakukan sebaik-baik usaha untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan al-Quran? Sudah kah kita benar-benar menginsafi khilaf yang lalu demi mendapatkan keampunan Ilahi? Adakah amalan puasa telah meningkatkan keinsafan kita untuk membantu golongan miskin dengan memperbanyak bersedekah dan menghentikan amalan berbelanja secara membazir?



Sesungguhnya kita masih belum terlambat untuk bersungguh-sungguh memenuhi hari-hari terakhir Ramadan dengan sebaik-baik ibadah – sebaik-baik penghayatan yang dapat membawa kita kepada perubahan diri menjadi insan yang lebih baik.

Mimbar mengingatkan para jemaah agar menunaikan kewajipan membayar zakat fitrah dan zakat harta. Zakat fitrah ialah zakat yang diwajibkan ke atas diri setiap Muslim mengikut syarat yang ditetapkan. Bagi mengelak terjatuhnya hukum haram, kerana melangkau tempoh waktu wajib menunaikan zakat fitrah, ummah hendaklah menyegerakan pembayaran zakat fitrah, agar dapat membantu urusan agihan memenuhi keperluan golongan fakir miskin, dapat dilaksanakan lebih berkesan. Demi mendapat keberkatan berganda daripada Allah SWT, diafdalkan untuk membayar zakat harta pada bulan Ramadan, jika sudah sampai tempoh wajib.

Jemaah Rahimakumullah

Mimbar menyenaraikan saranan-saranan berikut:

Pertama: Malam al-Qadar adalah anugerah kurniaan Ilahi khusus untuk umat Nabi Muhammad SAW yang tidak harus disia-siakan kerana terkandung pelbagai kelebihan, kebaikan dan keistimewaan manfaat bagi orang Mukmin.

Kedua: Manfaatkan sepuluh hari akhir Ramadan dengan beristiqamah, menjaga ibadah fardu seperti solat lima waktu secara berjemaah di masjid, serta menggandakan pelbagai amalan *nawafil* (*sunat*) seperti bersolat sunat, beriktikaf, membaca al-Quran dan berusaha mengkhatamkannya sebelum berakhirnya Ramadan.

Ketiga: Memohon keampunan Ilahi, membanyakkan istighfar dengan rasa insaf atas segala dosa yang pernah kita lakukan, agar Allah SWT mengurniakan hati yang bersih dan menjauahkan kita daripada mengulangi melakukan dosa yang lalu.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
 وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
 الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
 وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! إِتَّقُوا اللَّهَ، وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan Asyairah Maturidiah. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكِتِيَّتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوْأَ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
 اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى
 مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ حَمِيدٌ
 مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁵، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
 وَالْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِبِّهِمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ⁶.
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
 أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمَيْنَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! Berkatilah kami pada bulan Ramadan ini. Upayakan kami dapat bertemu malam al-Qadar dan dorong jiwa dan hati kami mudah menghidupkannya dengan amal kebaikan. Ampunilah segala dosa kami, dosa ibu bapa kami, dosa guru-guru kami, dosa ahli-ahli keluarga kami dan dosa seluruh umat Islam.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel.

Ya Mu'min! Ya Muhammin! Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِلَيْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ
 عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ
 الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ
 وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ
 مَا تَصْنَعُونَ.